# DOA AGUNG

MUNAJAT AGUNG OLEH SANG FAILASUF AGUNG

AL-FARABI

PENTERJEMAH

MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL

# DOA AGUNG

*Buku*
*ini dihadiahkan*
*khas untuk semua pencinta*
*ilmu dan kebenaran. Semoga segala*
*mutiara hikmah yang terdapat di dalam*
*buku ini dapat dimanfaatkan untuk*
*kebahagiaan hidup di*
*dunia dan juga*
*akhirat.*

*— Baytul Hikma & Mohammad Syafiq Ismail*

# DOA AGUNG

MUNAJAT AGUNG OLEH SANG FAILASUF AGUNG


AL-FARABI

PENTERJEMAH

MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL


BAYTUL HIKMA

Pulau Pinang

2019

*KANDUNGAN*

# Mukadimah Penterjemah

Atas nama Yang Kasih, daku menulis. Selawat dan salam, buat kekasih.

Segala puji bagi Allah, dulu kini dan selamanya, atas kurniaanNya mengizinkan kita menterjemahkan Doa Agung munajat Imam alFarabi rahimahullah, ke dalam bahasa melayu. Demikian dengan tujuan untuk mendekatkan umat kita, dengan karya-karya asal ahli Hikmah agung ini, yang sering meniti di bibir, dan cinta kepadanya tersemat di hati sejak lama.

Rujukan utama kita dalam terjemahan ini ialah teks adDu'a al'Azim (diterjemahkan: Doa Agung) yang ditahqiq/dikaji oleh Prof. Muhsin Mahdi, cet. ke-3 dalam Kitab alMillah wa anNusus alUkhra, Dar alMasyriq, Beirut 2001M.

Sesungguhnya tertakluk dalam pengetahuanNya jugalah, bahawa kita ingin sekali mensyarahkan isi kandungan dan rumus yang digunakan Imam alFarabi dalam munajatnya ini. Hal ini kerana, beliau berbahasa dengan bahasa yang biasa digunakan ahlinya, serta wujudnya beberapa istilah di dalam munajatnya ini, seperti Ikhwan asSafa, mendekatkan kita kepada teka-teki bahawa adakah falsafah dalam sejarah Islam sejak awalnya lagi memang sudah digiatkan oleh kelompok murni ini, atau ia sekadar nama? Namun kita tundakan dulu syarahannya, kerana demikian pasti akan memakan waktu, dan berjaga di malam-malam yang panjang, untuk sampai kepada apa yang

dikehendaki oleh sang imam.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allah. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan alQuran.

Terima kasih kita ucapkan buat pihak Baytul Hikma atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis nan *online*. Tiada hakcipta yang kita tuntut di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebarkan oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Allah Maha Mengetahui.

SYAFIQ ATTAUHIDI (Mohammad Syafiq Ismail)
*Dhuha 18 Jumada atsTsaniyah 1440H, 23 Februari 2019M*
*Maktabah atTauhidi, Negeri Sabah alMahmiyah billah*

# Doa Agung

*(Al-Duʿāʾ al-ʿAẓīm)*

Al-Farabi

Penterjemah
Mohammad Syafiq Ismail

# Doa Agung

*(Al-Duʿā’ al-ʿAẓīm)*

## Al-Farabi

Penterjemah
Mohammad Syafiq Ismail

*Atas nama Allah Yang Maha Kasih nan Maha Sayang*

Wahai Allah, daku memohon daripadaMu, wahai Yang Wajib alWujud, wahai Illatul ‘Ilal (Punca segala Punca), wahai Yang Qadim nan sentiasa; agar Dikau melindungiku daripada sebarang kesilapan, dan agar Dikau menjadikan impianku ialah segala amalan yang menjadi keredhaanMu.

Wahai Allah, kurniakanlah kepadaku kemuliaan-kemuliaan yang terhimpun, dan rezekikanlah urusanku yang baik penghujungnya. Jayakanlah segala maksudkan dan tujuanku, wahai Tuhan Timur dan Barat.

*Tuhan alJawar alKunnas (bintang-bintang) yang tujuh yang,*
*memancur daripada alKaun seperti pancuran di lembah*

*Mereka itulah pelaku-pelaku daripada kehendakNya yang,*
*kemuliaannya menggenapi seluruh jauhar*

*Daku mengharapkan kebaikan daripadaMu, dan daku memerah (kebaikan) daripada,*
*Zuhal, Utarid dan Musytari*

Wahai Allah, pakaikanlah daku perhiasan (akhlak) yang indah, kemuliaan para Nabi, kebahagiaan orang-orang kaya, ilmu para hukama' (ahli falsafah), dan kekhusyukan golongan yang bertakwa.

Wahai Allah, selamatkanlah daku daripada alam kecelakaan dan kefanaan. Jadikanlah daku daripada Ikhwan asSofa (Saudara yang Murni) dan Ashab alWafa' (Mereka yang Menunaikan Sumpahsetia), serta penduduk Langit, bersama para siddiqin dan syuhada.

Dikaulah Allah, yang Tiada Tuhan selain daripadaMu – Punca segala sesuatu, dan Cahaya bumi dan langit. Kurniakanlah kepadaku limpahan (cahaya) daripada alAql alFa'al, wahai Yang Maha Mulia nan Maha Memuliakan. Jadikanlah jiwaku murni dengan cahaya hikmah kebijaksanaan. Gerakkanlah daku kepada mensyukuri segala nikmat yang Dikau istimewakan daku dengannya. Perlihatkanlah kebenaran kepadaku itu sebagai kebenaran, kurniakanlah ilham kepadaku agar mengikutinya. (Perlihatkanlah) kebatilan kepadaku itu sebagai kebatilan, dan jauhkanlah diriku daripada mempercayainya dan mendengarnya. Jadikanlah jiwaku murni daripada tanah huyuli (materi), sesungguhnya Dikaulah Punca yang Pertama!

*Wahai Punca bagi segala sesuatu, dan Yang,*
*keranaNyalah wujud (segala sesuatu) daripada limpahanNya*
*nan terpancur*

*Tuhan segala langit yang bertingkat, dan yang menciptakan pusat,*
*di tengah-tengah (antara langit itu) yang terbentuk daripada*
*bumi dan lautan*

*Sesungguhnya daku menyeruMu, meminta perlindungan*
*nan pedosa pula,*
*ampunilah dosa si pendosa ini nan kurang (beramal)*

*Jadikanlah unsurku ini murni dengan limpahan daripadaMu wahai*
*Tuhan segala, daripada,*
*kekotoran segala semulajadi dan unsur-unsur (yang lain).*

Wahai Allah, Tuhan bagi seluruh diri-diri yang tinggi (kedudukannya), dan jirim-jirim falak, serta jiwa-jiwa samawi; sesungguhnya syahwat kemanusiaan telah menumpaskan hambaMu ini, demikian juga cinta(nya) kepada syahwat dan dunia yang rendah ini. Jadikanlah ismah perlindunganMu itu sebagai perisai buatku daripada mencampuradukkan (yang benar daripada yang salah), dan taqwa kepadaMu itu sebagai kubu perlindunganku daripada sebarang pengabaian. Sesungguhnya Dikau Maha Meliputi segala sesuatu.

Wahai Allah, selamatkanlah daku daripada penjara unsur yang empat, dan pindahkanlah daku kepada sisiMu nan luas dan tertinggi.

Wahai Allah, jadikanlah kecukupan itu sebagai sebab untuk memutuskan hubungan yang tercela antaraku dan jisim-jisim ketanahan serta kegelisahan yang kauni. Jadikanlah hikmah (falsafah) itu sebab kepada kesatuan diriku dengan alam Ilahi dan jiwa-jiwa samawi

Wahai Allah, gerakkanlah jiwaku dengan roh kudus yang mulia, dan jadikanlah akal serta pancainderaku terkesan dengan hikmah yang tertinggi. Jadikanlah para malaikat itu temanku, ganti kepada alam tabi'ie ini.

Wahai Allah, ilhamkanlah hidayat petunjuk kepadaku. Kukuhkanlah imanku dengan taqwa, dan jadikanlah daku benci kepada cinta dunia.

Wahai Allah, kuatkanlah dzatku, untuk menumpaskan syahwat yang fana. Jadikanlah diriku di kedudukan jiwa-jiwa yang kekal, dan jadikanlah ia (jiwaku ini) tergolong daripada jauhar yang mulia nan berharga, di syurga-syurga yang tinggi.

Maha Suci Dikau, wahai Allah, yang mendahului seluruh kewujudan, yang ia (kewujudan itu) berkata-kata (tentang kedahuluanMu) dengan lisan hal dan lisan perkataan. Sesungguhnya Dikaulah yang Maha Memberi segala sesuatu itu sesuai haknya, dengan penuh hikmah. Dikaulah yang menjadikan kewujudannya – sekiranya dibandingkan dengan ketiadaannya – sebagai nikmat dan rahmat (buatnya). Sesungguhnya seluruh dzat yang ada padanya (kewujudan ini) dan seluruh 'aradh (sifat mendatang) itu berhak mendapat kurniaMu nan bersyukur pula kepada nikmat pemberianMu, "Sesungguhnya segala sesuatu itu bertasbih memujiNya akan tetapi kalian tidak mengerti tasbih mereka..." (alIsra', 44)

Maha Suci Dikau, Maha Tinggi Dikau! Sesungguhnya dikaulah Allah Yang Esa nan Tunggal, Yang Jadi Tempat Tujuan, Yang Tidak Melahirkan dan Tidak Dilahirkan pula, Yang Tiada sekutu bagiNya sesuatu apapun.

Wahai Allah, sesungguhnya jiwaku telah terpenjara dalam penjara unsur yang empat, dan terdapat pula syahwat-syahwat yang ditugaskan untuk memburunya (jiwa ini).

Wahai Allah, kukuhkanlah dia dengan perlindungan 'ismah buatnya (jiwa ini). Berlaku lembutlah kepadanya dengan penuh kasih, yang mana Dikau adalah yang terlayak buatnya, dan dengan sifat pemurah yang melimpah, yang mana Dikau adalah yang terlayak buatnya juga.

Kurniakanlah dia taubat yang memulangkannya kepada

alamnya yang samawi. Perlekaskanlah kembalinya ia (jiwa ini) kepada makamnya yang kudus suci.
Terbitkanlah pada kegelapannya (jiwa ini) akan mentari daripada al'Aql alFa'al. Hapuskanlah segala gelapnya kejahilan dan kezaliman daripadanya.

Jadikanlah potensi yang wujud di dalam dirinya itu wujud pula secara hakiki (yakni menjadi manusia sempurna).

Keluarkanlah dia daripada kegelapan kejahilan kepada cahaya hikmah dan sinaran akal. Allahlah pelindung bagi kaum yang beriman, Dia mengeluarkan mereka daripada kegelapan kepada cahaya. (alBaqarah, 257).

Wahai Allah, perlihatkanlah kepada jiwaku gambaran eidos yang ghaib nan baik di dalam mimpinya (jiwa ini), dan gantikanlah ia (mimpi itu), daripada mimpi kosong, kepada mimpi yang baik dan berita yang benar.

Sucikanlah dia daripada kekotoran yang didapatinya daripada perkara yang dicerap pancainderanya dan segala perkara yang terlintas dalam fikirannya. Hapuskanlah kekotoran tabi'i semulajadi daripada dirinya. Dudukkanlah dia di alam jiwa, pada kedudukan yang tertinggi.

Allahlah yang mengurniakan hidayat petunjuk kepadaku, mencukupkanku, dan mengurniakan perlindungan.

Segala puji bagi Allah, satu-satunya. Selawat dan salam Allah buat Dia yang tiada nabi lagi sesudahnya.

* * *

Alhamdulillah,
segala puji bagi Allah,
dahulu, kini dan selamanya, atas
penyempurnaan terjemahan bagi Doa
Agung ini, pada subuh 18 Jumada atsTsaniyah
1440H, bersamaan sabtu 23 Februari 2019M, di Maktabah
atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah, di tangan
empunya segala dosa dan kesilapan Syafiq atTauhidi.
Semoga Allah yang baik menerimanya dan
mengumumkan manfaatnya
kepada seluruh
umat.